

KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

FATWA BIL. 3

**HUKUM MEMPROMOSIKAN PRODUK INSURANS KONVENSIONAL MENURUT
PERSPEKTIF SYARIAH**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada tarikh 2 Muharram 1440H bersamaan 12 September 2018 telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) Kali Ke-215 sebagai Irsyad Hukum (panduan Hukum) mengenai Hukum Mempromosikan Produk Insurans Konvensional Menurut Perspektif Syariah. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berpandangan bahawa sistem takaful berlandaskan Syariah sedang pesat berkembang dan memerlukan sokongan umat Islam dalam usaha untuk memartabatkan sistem muamalat Islam. Sehubungan itu, muzakarah memutuskan bahawa orang Islam adalah **dilarang mempromosikan produk insurans konvensional** yang jelas berasaskan sistem riba. Walau bagaimanapun, pendapatan atau komisyen yang diterima dalam proses transisi dari sistem konvensional kepada takaful adalah dimaafkan.

Tarikh : 25 April 2022

No. Fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9 (58)

Status Fatwa : **Tidak Warta**

Saya yang menjalankan amanah


(SS. Dato' Haji Zamri bin Hashim)
Timbalan Mufti Negeri Perak